

# Metodologi Imam Abu Shamah dalam Kitab *Ibraz al-Ma'ani*: Tinjauan Terhadap *Istidrakat* ke atas *Matan Shatibi*

Azizul Hassan<sup>1</sup> & Mohd Subhi Hussein<sup>1</sup>

Email: abuwafiy830626@gmail.com

<sup>1</sup>Institut Al-Quran Terengganu (IQT)

## Abstrak

*Matan Shatibi* adalah satu himpunan bait-bait syair yang menerangkan ilmu Qira'at secara lengkap. Oleh kerana ketinggian ilmu penyusunnya iaitu Imam al-Shatibi serta nilai ilmu yang terdapat di dalam matan tersebut maka, ia diterima baik oleh sarjana Islam dan seluruh pencinta ilmu Qiraat. Bagi mengembangkan lagi ilmu tersebut dalam kalangan penuntut ilmu, maka para sarjana Islam telah menerangkan maksud bait-bait tersebut dengan pelbagai versi, teknik, kaedah dan pendekatan berdasarkan keilmuan masing-masing. Di antara syarah *Matan Shatibi* yang mendapat perhatian ramai pengkaji ialah kitab *Ibraz al-Maani* karya Imam Abu Shamah al-Maqdisi. Justeru, artikel ini adalah tinjauan terhadap salah satu metodologi Imam Abu Shamah yang dirintis beliau dalam menjelaskan maksud Imam al-Shatibi iaitu *istidrakat* terhadap lafaz-lafaz *Matan Shatibi*. Ia bertujuan melihat kaedah dan teknik yang digunakan beliau ketika melakukan *istidrakat* tersebut di samping solusi yang dicadangkan oleh beliau dalam setiap *istidrakat* yang dilakukan. Oleh itu, semua *istidrakat* dikumpul dan dianalisis mengikut kategori dan tujuan *istidrakat*. Kajian ini mendapati Imam Abu Shamah melakukan *istidrakat* terhadap *matan Shatibi* dalam jumlah yang banyak meliputi semua bab. Bahkan beliau sangat menitikberatkan nilai ilmiah dan etika yang tinggi ketika melakukan *istidrakat* tersebut.

**Kata Kunci:** Abu Shamah, *Ibraz al-Maani*, *Istidrakat*, *Matan Shatibi*, *Qira'at*

## Abstract

*Matan al-Shatibi* is a collection of poems that completely describe the discipline of Qiraat. It was well received by the Islamic scholars and followers of Qiraat considering the high credibility of Imam al-Shatibi himself and the pronounced material within. With the aim of expanding the knowledge amongst the followers, the Islamic scholars have enlightened the gist of the verses of poems using various versions, techniques, methods and approaches according to their expertise. Amongst the content of *Matan al-Shatibi* that appealing most researchers is the book *Ibraz al-Maani* written by Imam Abu Shamah al-Maqdisi. Thus, this paper is a brief overview of the methodology of Imam Abu Shaamah which he pioneered in explaining the meaning of the Matan Imam al-Shatibi and criticism against the utterances of it. The purpose of the paper is to view the method and technique that was used during the criticism. In addition, it is also meant to observe the solution suggested by him in every criticism. Consequently, to identify every criticism made in his manuscript, the writer has collected all criticisms and analysed by category and purpose of each criticism according to their definition. As a result, this study has found that Imam Abu Shamah has made criticised towards *Matan al-Shatibi* in large numbers that covers all chapters. This study has also found that Imam Abu Shamah is very meticulous about the value of knowledge and the high ethical concern while doing the criticizing.

**Keywords:** Abu Shamah, *Ibraz al-Maani*, *Istidrakat*, *Matan Shatibi*, *Qira'at*

## 1. Pengenalan

Sarjana Islam terdahulu dan kini telah memberi perhatian khusus terhadap *Matan Shatibi* sehingga terhasil pelbagai kitab yang menjelaskan maksudnya sama ada dengan mensyarahkan bait syair secara ringkas dan terperinci, atau memberi penekanan terhadap aspek *taujihat qira'at*, atau menjelaskan kedudukan lafaz-lafaz *Shatibi* dari sudut bahasa Arab dan lain-lain. Oleh yang demikian, kertas kecil ini akan meninjau salah satu syarah kepada *Matan Shatibi* iaitu kitab “*Ibraz Al-Ma'ani*” karya Imam Abu Shamah al-Maqdisiyy. Kitab ini menjadi rujukan utama bagi setiap penuntut ilmu dalam bidang al-Qiraat kerana khazanah ilmu yang terdapat

di dalamnya sangat berharga dan bernilai. Ulama terdahulu sangat menitikberatkan amanah dan ketelitian dalam menyampaikan ilmu, oleh itu kritikan terhadap pandangan, penulisan dan metodologi sesuatu karya ilmiah menjadi tradisi yang sangat mengagumkan kerana tujuan mereka adalah untuk menyampaikan perkara yang terbaik kepada umat. Hal ini turut berlaku kepada Imam Abu Shamah apabila beliau secara jelas melakukan “*istidrak*” ilmiah terhadap beberapa lafaz yang dimuatkan oleh Imam al-Shatibi di dalam matan beliau “*Hirzul Amani wa Wajh al-Tahaniy*”. Namun, kritikan yang dilakukan beliau amat teliti berdasarkan hujah-hujah yang konkret serta dilakukan dengan penuh berhemah dan beretika. Oleh kerana kaedah tersebut menjadi asas kepada setiap *istidrak* yang dikemukakan, justeru setiap penuntut ilmu dan pengkaji dalam bidang al-Qiraat perlu mengetahui metodologi beliau agar tujuan dan objektif utama kritikan tersebut dapat difahami dengan jelas supaya tidak menimbulkan persepsi negatif terhadap setiap kritikan yang dilakukan oleh beliau. Metodologi ini telah dijadikan panduan oleh ulama-ulama selepasnya seperti Imam al-Ja’briyy, Imam al-Fasiyy, al-Samin al-Halabiyy, al-Suyutiyy dan lain-lain dalam mengkritik Matan *Shatibi*. Jika diteliti, kritikan tersebut disertai dengan rasa mahabbah yang tinggi bertujuan untuk saling melengkapi di antara satu sama lain, hal ini amat bertepatan dengan firman Allah SWT:Maksudnya: Dan berbantulah kamu di atas jalan kebaikan dan ketakwaan.

## **2. Biodata Imam Abu Shamah al-Maqdisi**

Kitab al-Mudzayyil ‘ala al-Raudatayn karya Imam Abu Shamah (2002) merupakan kitab yang paling lengkap menerangkan riwayat hidup beliau berdasarkan pendapat para sejarawan Islam. Oleh itu, buku tersebut menjadi rujukan utama dalam menjelaskan biodata Imam Abu Shamah bermula dari kelahiran sehingga detik-detik terakhir kehidupan beliau. Perbincangan mengenai biodata beliau adalah sebagai berikut:

### **2.1 Nama, nasab & tarikh lahir**

Beliau ialah Abdul Rahman Bin Ismail Bin Ibrahim Bin ‘Uthman Bin Abu Bakr al-Maqdisiyy al-Dimashqiyy al-Syafi’iy, beliau digelar Abu Shamah kerana terdapat tahi lalat yang besar di atas kening sebelah kiri beliau (Ibn al-Jazariyy 2002: 365: 1), beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang Sejarah Islam, Hadith, Tafsir, dan Fiqh (Al-Dzahabiyy 1997: 168: 4). Manakala gelaran Al-Maqdisiyy pula dinisbahkan kepada Baitul Maqdis yang merupakan tempat kelahiran datuk beliau (Abu Shamah 2002: 8: 1).

Majoriti para sejarawan bersepakat tentang tarikh lahir beliau iaitu pada malam jumaat, tanggal 23 RabiulAkhir 599H di Darb al-Fawakhir, Damsyik (Ibn ‘AsAkir 1995: 297: 2), namun Salah al-Din (1974: 270: 2) pula menyatakan bahawa Abu Shamah dilahirkan pada tahun 596H. Semenjak kecil, beliau di asuh dan di tarbiyah dengan kehidupan beragama yang baik oleh bapa beliau Ismail Bin Ibrahim (Wafat:634H) dan ibu beliau (Wafat: 620H). Beliau sangat mencintai ilmu dengan mendalami pelbagai disiplin ilmu seperti Fiqh, al-Qiraat, Hadith, dan lain-lain. Allah SWT telah memberi kurniaan yang istimewa kepada Abu Shamah apabila beliau berjaya menghafaz al-Quran tanpa disedari oleh bapa beliau sendiri, ini kerana motivasi dan kecintaan beliau terhadap al-Quran sangat mendalam, di samping itu beliau juga mampu menguasai ilmu-ilmu yang dipelajarinya dalam usia yang sangat muda iaitu sebelum usianya mencapai 10 tahun (Abu Shamah 2002: 8: 1).

### **2.2 Permusafiran & penyebaran ilmu**

Sebagaimana lazimnya tradisi ulama-ulama terdahulu dalam menuntut ilmu, maka begitu juga yang dilakukan oleh Imam Abu Shamah dalam menimba dan menekuni ilmu-ilmu Islam. Aspek utama yang diberikan penekanan ialah bertalaqqi ilmu dengan para ulama yang diiktiraf kelimuannya. Selain menuntut ilmu di tanah Syam beliau juga melakukan rehlah dan permusafiran ke beberapa tempat yang didiami oleh para ulama di zamannya. Tempat pertama yang beliau lawati ialah bumi Mekah, ziarah tersebut dilakukan bersama bapa beliau pada tahun 621H bertujuan mengerjakan ibadat haji (Abu Shamah : 2002: 27: 1), kemudian beliau mengerjakan ibadat haji untuk kali kedua pada tahun berikutnya bersama Al-Fakhr Iyas iaitu sepupu kepada guru beliau Syeikh Taj al-Din Al-Kindiyy. Hasil daripada rehlah tersebut beliau telah berjaya menyusun QaSIdah Hamziah yang memperihalkan tentang situasi haji dan keadaan jalan sekitar daerah Tabuk (Abu Shamah 2002: 379: 1). Pada tahun 624H pula, beliau sekali lagi telah keluar bermusafir ke Baitul Maqdis bersama Sultan Auliya’ ‘Izzuddin ‘Abdul Salam selama 14 hari (Abu Shamah 2002: 34: 1), manakala tempat terakhir yang beliau lawati ialah beberapa daerah di Mesir seperti Dumyat dan Qahirah iaitu selama lebih setahun bermula Rabi’ul Awal tahun 628H sehingga Rabi’ul Akhir tahun 629H dan ia merupakan musafir

beliau yang paling lama (Abu Shamah 2002: 23: 1). Selepas itu, tiada lagi permusafiran beliau yang direkodkan dan beliau telah mewakafkan dirinya untuk memberi kuliah pada majlis-majlis ilmu di sekitar Damsyik, selain itu beliau juga telah berkhidmat di beberapa buah pusat pengajian sekitarnya seperti Dar al-Iqra', al-Madrasah al-Asyrafiyyah, al-Madrasah al-Falakiah, al-Madrasah al-'Adiliyyah dan lain-lain (Abu Shamah 2002: 138: 1).

### **2.3 Kehidupan berkeluarga**

Dalam kehidupan berkeluarga pula, Imam Abu Shamah menyatakan bahawa beliau mempunyai dua orang isteri, melalui isteri yang pertama beliau dikurniakan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan, manakala dengan isteri yang kedua pula beliau dikurniakan dua anak perempuan dan tiga anak lelaki. Beliau sangat menekankan aspek keilmuan terhadap anak-anak beliau dalam proses mentarbiyah mereka menjadi insan yang berilmu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan nukilan-nukilan beliau berkenaan aspek tersebut iaitu dengan melazimkan mereka dengan majlis-majlis ilmu sekitar Damsyik, contohnya beliau sendiri telah menghantar Muhammad mendengar hadith Sahih Muslim, Sahih Bukhari dan ilmu-ilmu lain dengan lebih 40 orang guru seawal usianya 4 tahun (Abu Shamah 2002: 71: 1), beliau juga menghantar Fatimah mendalamai kitab Al-Amali dan karya-karya lain karangan Imam Ibn 'Asakir (Abu Shamah 2002: 60-61: 2), kaedah yang sama turut diterapkan oleh beliau kepada anak-anaknya yang lain.

### **2.4 Guru & murid beliau**

Keilmuan yang dimiliki oleh Abu Shamah merupakan hasil yang beliau perolehi daripada ulama-ulama yang didampinginya, antara guru-guru beliau yang masyhur ialah Taqiyuddin Khaz'al Bin 'Asakir al-Nahwiyy (Wafat: 621H) dan beliau menghafaz Sahih Muslim dengannya, Abu Mansur 'Abdul Rahman Bin Muhammad Hibatillah (Wafat: 620H) dengan menekuni kitab "Dalail al-Nubuwwah" karangan Abu Bakr al-Baihaqiyy dengannya, Imam 'Alamuddin Abu al-Hasan al-Sakhawiy (Wafat: 634H) dengan mendalamai ilmu Qiraat dengannya serta ramai lagi guru beliau dalam kalangan ulama yang tersohor ketika itu (Abu Shamah 2002: 367-387: 1). Disebabkan oleh kesarjanaan yang dimiliki beliau maka, para ulama sezaman dan selepasnya mengiktiraf beliau sebagai seorang ulama yang telah mencapai darjah mujtahid (Taqiyuddin 1993: 134: 2). Keilmuan beliau diwarisi oleh ramai pelajar-pelajar yang datang dari seluruh pelosok tanah Arab seperti Ahmad Bin Farah al-Lukhmiyy (Wafat: 699H), 'Izzuddin Maibik al-Miyawiyy (Wafat: 660H), Muhammad Bin 'Asrun (Wafat: 654H), dan lain-lain (Abu Shamah 2002: 34&175&116: 1).

### **2.5 Keilmuan Abu Shamah**

Imam Abu Shamah bukan sahaja aktif dalam majlis penyampaian ilmu, bahkan beliau juga sangat aktif dengan penulisan buku-buku ilmiah dalam pelbagai jenis disiplin ilmu seperti Hadith, Tafsir, Qiraat, Nahw dan lain-lain. Kesungguhan ini terbukti dengan kegigihan beliau mengarang kitab "al-Mudzayyil" beberapa hari sebelum beliau dibunuh (Abu Shamah 2002: 223-224: 2). Menurut sejarawan Islam terdapat lebih 40 buah hasil penulisan yang berjaya disiapkan ketika hayat beliau sama ada dalam bentuk kitab ataupun syair dan sehingga kini masih terdapat banyak kitab-kitab tersebut dalam bentuk manuskrip yang belum dikaji. Di antara kitab-kitab karangan beliau ialah kitab "Ibraz al-Ma'aniyy" syarah kepada Matan Shatibi, Nuzm Mutashabihat lafaz, Mukhtasar Tarikh Baghdad dan lain-lain (Abu Shamah 2002: 141: 1).

### **2.6 Mazhab aqidah & fiqh**

Para ulama dan sejarawan Islam tidak menyebut secara jelas tentang mazhab aqidah yang dianuti oleh Imam Abu Shamah namun, terdapat beberapa isyarat umum tentang mazhab aqidah yang dipegang oleh beliau. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan beliau sendiri iaitu melalui kitab "al-Wadih al-Jaliyy fi Radd 'ala al-Hanbaliyy". Ia dikarang bertujuan mengkritik pandangan Ahmad al-Yuniniyy (Wafat: 658H) yang sangat taksub dengan mazhab Hanbaliyy dalam menolak pandangan-pandangan Imam al-Shafi'iyy berkaitan dengan peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi SAW (Muntada Rayah al-Salah). Kenyataan ini disokong oleh Fahd 'Amir al-'Ajamiyy dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk "al-Ara' al-Kalamiyyah Wa Usul al-Da'wah 'Inda Abi Shamah al-Maqdisiy" secara jelas menerangkan bahawa dalil-dalil dan pandangan-pandangan yang digunakan oleh Abu Shamah dalam kitab tersebut adalah bertepatan dengan pegangan aqidah Imam Abu Hasan al-Ash'ariyy (2009: 80). Kesimpulannya, mazhab aqidah bagi Imam Abu Shamah adalah mazhab al-Asha'irah. Manakala

mazhab Shafi'iyy pula merupakan pegangan beliau dalam fiqh. Terdapat banyak indikator yang menjelaskan mazhab fiqh pegangan beliau, antaranya gelaran ‘al-Shafi’iyy’ yang disisipkan berserta nama beliau oleh kebanyakan sejarawan Islam (Ibn Kathir 1993: 889: 1). Kenyataan tersebut disokong oleh Ibn Qadi Shuhbah yang menyatakan bahawa Imam Abu Shamah mendalamai mazhab Shafi'iyy dengan dua tokoh besar ulama Shafi'iyy pada zamannya iaitu 'Izzudin 'Abdul Salam dan Ibn al-Salah (1974: 134: 2).

## 2.7 Kewafatan beliau

Imam Abu Shamah wafat pada bulan Ramadhan tahun 665H iaitu selepas empat bulan beliau diuji dengan peristiwa berdarah yang membawa kepada kewafatan beliau. Peristiwa tersebut berlaku pada bulan Jamadil akhir tahun 665H apabila beliau dipaksa untuk memberi fatwa sesuai dengan kehendak pemerintah, oleh kerana keengganannya terhadap tuntutan tersebut maka, beliau telah dibunuh ketika berusia 66 tahun dan dimakamkan di tanah perkuburan Dar al-Faradis (Al-Zarkaliyy 2002: 299: 3). Kematian Abu Shamah yang begitu tragis sudah cukup membuktikan betapa beliau merupakan seorang ulama yang berprinsip serta tidak akur dengan perkara-perkara yang batil walaupun nyawanya diancam. Semoga Allah SW merahmati beliau di atas segala jasa dan khidmat beliau untuk agama Islam.

## 3. Tinjauan Terhadap Kitab *Ibraz al-Ma'ani*

Tinjauan terhadap kitab ini adalah berdasarkan kriteria berikut:

### 3.1 Nama kitab

Imam Abu Shamah secara jelas menyatakan nama bagi syarah matan Shatibi karangan beliau dengan nama *Ibraz Al-Ma'ani*, antara kenyataan beliau adalah sebagaiberikut:

1- Kenyataan beliau pada mukadimah kitab *Ibraz al-Maa'ni* iaitu:

((وهي أول مصنف وجيئ حفظه بعد الكتاب العزيز وذلك قبل بلوغ الحلم وجريان القلم ولم أزل من ذلك الزمان إلى الآن طالباً إتقان معرفة ما احتوت عليه من المعاني وإبراز ما أودع في ذلك الحيز من الأماني))

Bermaksud:

Penulisan ini (Matan Shatibi) merupakan karya pertama yang aku hafaz selepas al-Quran, iaitu ketika usiaku belum mencapai akil baligh, dan bermula dari saat tersebut sehingga sekarang aku masih mendalamai maksud-maksud (المعاني) dan keunikannya (إبراز) yang terkandung di dalamnya (Abu Shamah 2002: 34: 1).

2- Kenyataan beliau dalam kitab “al-Murshid al-Wajiz” iaitu:

((وقد قدمت في أول كتاب (إبراز المعاني المختصر) قولهً موجزاً في ذلك))

Bermaksud:

Telah aku nyatakan pada mukadimah kitab *Ibraz al-Ma'ani al-mukhtasar*” pernyataan ringkas tentangnya (Imam Qiraat dan perawinya) (Abu Shamah 1975: 136).

3- Kenyataan beliau dalam kitab “al-Mudzayyil ‘ala al-Raudatain” iaitu:

((شرح قصيدة الشيخ الشاطي - رحمة الله - الذي سماه (إبراز المعاني من حيز الأماني)))

Bermaksud:

Syarah kepada qasidah Imam Shatibi yang dinamakan dengan *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amaniyy* (Abu Shamah : 2002: 141-142: 1).

Kesimpulannya, Imam Abu Shamah menamakan kitabnya dengan “*Ibraz Al-Ma'ani*” kerana objektif utama penulisan beliau adalah untuk menjelaskan maksud Imam al-Shatibi serta menzahirkan keunikannya yang terkandung di dalamnya.

### 3.2 Faktor penulisan

Berdasarkan kepada beberapa kenyataan Imam Abu Shamah di dalam kitab *Ibraz al-Ma'ani* terdapat beberapa faktor yang mendorong beliau menyempurnakan penulisan ini. Antara faktor utama ialah wujudnya perasaan hormat yang tinggi terhadap guru beliau iaitu Imam al-Sakhawiyy dan keinginan beliau untuk menyebarkan segala ilmu yang diperoleh selepas bertalaqqi dengan gurunya tersebut berulang kali. Selain itu, kekaguman

terhadap Matan Shatibi juga telah memberi kesan yang amat mendalam kepada beliau dalam menekuni ilmu qiraat dan perbahasannya. Faktor yang ketiga, beliau ingin menempatkan dirinya dalam doa Imam Shatibi yang ditujukan khusus kepada setiap orang yang mempelajari dan mendalami qasidah yang disusun beliau. Faktor terakhir, beliau mahu merealisasikan cita-citanya dalam menjelaskan setiap lafaz Shatibi secara tersusun dan sistematis (Abu Shamah: 2009: 9: 1).

### 3.3 Metodologi umum kitab “*Ibraz Al-Ma’ani*”

Imam Abu Shamah menerima ilmu Qiraat secara langsung daripada guru beliau Imam al-Sakhawiyy, oleh itu secara umumnya gaya penulisan beliau banyak dipengaruhi oleh gurunya tersebut melalui karyanya “*Fathul Wasid*”. Namun begitu terdapat pelbagai metode dan idea baru yang digarap oleh beliau dalam kitab “*Ibraz al-Ma’aniyy*” yang merupakan pelengkap kepada karangan gurunya itu. Abu Shamah memulakan syarahnya dengan kata-kata aluan, kemudian beliau mendefinisikan al-Quran dan menyenaraikan tokoh-tokoh al-Quran bermula era Sahabat Baginda SAW. Beliau juga memperihalkan tentang perkembangan berkaitan penyebaran al-Quran oleh Sahabat RA sehingga ke zaman Ibn Mujahid, seterusnya beliau menyatakan biodata setiap imam-imam Qiraat dan perawinya, kemudian beliau mula mensyarahkan Matan Shatibi bagi setiap bait-baitnya (Abu Shamah 2009: 8-26: 1).

## 4. Definisi *Istidrakat* (استدراكات)

Imam al-Shatibi telah memberi keizinan kepada generasi selepasnya sama ada dalam kalangan pelajarnya ketika itu atau golongan terkemudian untuk membentulkan sebarang kesilapan, kekurangan dan kesamaran yang terdapat dalam qasidah beliau, hal ini merujuk kepada ungkapan beliau sebagaimana berikut:

وإِنْ كَانَ حَرْقُ فَادِرٍ كَهْ بِقَضْلَةٍ \* مِنَ الْحَلْمِ وَلِيُصْلِحُهُ مِنْ جَادَ مِثْوَلاً

Maksudnya:

Sekiranya kamu dapat sebarang keaiban pada qasidah ini, maka perbaikilah ia dengan baik (tanpa rasa marah), dan hendaklah kamu perbaiki segala keaiban tersebut dengan keterangan yang lebih nyata (Bait 78: Al-Shatibi: 2014).

Berdasarkan pemerhatian terhadap ungkapan tersebut maka, dapat diketahui bahawa Imam al-Shatibi telah membuka peluang dan ruang kepada seluruh pencinta ilmu Qiraat untuk mendekati dan memahami gagasan beliau dan seterusnya melakukan koreksi terhadap karya tersebut sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kekurangan. Oleh sebab itu para ulama telah memperuntukkan waktu mereka bagi memberi khidmat yang terbaik kepada qasidah tersebut dan penyusunnya. Selain itu, ia juga sebagai satu manifestasi kepada sifat tawaduk dan rendah diri Imam al-Shatibi dalam menyampaikan ilmu dan ia merupakan sesuatu yang harus dicontohi oleh setiap penuntut ilmu. Selain itu, beliau turut mewasiatkan agar segala pembetulan yang dilakukan mestilah disertai dengan nilai adab yang tinggi dan justifikasi yang konkret. Justeru, pendekatan “*istidrak*” terhadap Matan Shatibi yang dilakukan oleh Imam Abu Shamah adalah berdasarkan kepada kefahaman beliau yang tinggi terhadap ungkapan Imam al-Shatibi tersebut.

Oleh itu, untuk menjelaskan konsep “*istidrakat*” ini, seharusnya kita melihat kepada definisi bagi istilah tersebut terlebih dahulu. Berdasarkan Al-Raziyy (1999: 104) beliau menjelaskan perkataan “استدراكات” berasal daripada perkataan “ذكرك” yang bererti “menanggapi” atau “mencapai”. Manakala dari sudut istilah pula ia bermaksud:

((...إِبَاعَ الْقَوْلَ الْأَوَّلَ بِقَوْلِ ثَانٍ، يَصْلَحُ خَطَاهُ، أَوْ يَكْمِلُ نَفْسَهُ، أَوْ يَزْبَلُ عَنْهُ لِبَسًا...))

Bermaksud: “Melakukan tindakan susulan terhadap pendapat pertama dengan (mendatangkan) pendapat yang kedua bertujuan membentulkan kesilapan atau menyempurnakan kekurangan atau menghilangkan kesamaran” (Nayif al-Zahraniyy 2008: 16).

Kesimpulannya, “*Istidrakat*” yang dilakukan oleh Abu Shamah adalah suatu proses penambahbaikan atau penyederhanaan kepada lafaz-lafaz Shatibi sama ada dari sudut penggunaan huruf, perkataan serta ulasan kepada tafsiran maknanya.

### 5. Metodologi “*Istidrakat*” Imam Abu Shamah

Imam Abu Shamah telah memberi isyarat umum tentang “*istidrakat*” yang akan dilakukan beliau terhadap Matan Shatibi. Beliau menjadikan gurunya Imam al-Sakhawiyy sebagai contoh dari sudut etika dan adab dalam mengkritik dan tujuan ia dilakukan adalah untuk memudahkan setiap penuntut ilmu dalam mendalami dan memahami maksud Imam al-Shatibi dengan lebih jelas (Abu Shamah 2009: 123:1). Secara umumnya, jumlah “*istidrakat*” yang dilakukan oleh beliau ialah sebanyak 184 tempat sebagaimana jadual berikut:

PERKARA	BAB	JUMLAH BAIT
خطبة المتن	مقدمة المتن	18
	البسملة	2
	سورة أم القرآن	5
	الإدغام الكبير	10
	هاء الكلمية	3
	المد والقصر	3
	الهمزتين من كلمة	7
	الهمز المفرد	1
	وقف حمزة وهشام	8
أصول القراءات	الإظهار والإدغام	5
	النون الساكنة	1
	الفتح والإمامية	12
	الراءات	3
	اللامات	2
	الوقف على أواخر الكلم	1
	ياءات الإضافة	3
	ياءات التزويد	1
فرش الحروف	البقرة	26
	آل عمران	10
	النساء	3
	المائدة	2
	الأأنعام	6
	الأعراف	6
	الأنفال	1
	التوبية	1
	يونس	5
	هود	3
	يوسف	3
	الرعد	3
	إبراهيم	1
	الحجر	3
	الإسراء	2
	الكهف	3
	طه	1

	المحج	2
	الشعراء	1
	القصص	3
	الروم-سيا	2
	يس	1
	الصفات	1
	الزمر	1
	غافر	1
	الزخرف	1
	الدخان	1
	الجاثية	1
	الفتح	2
	المجادلة-القلم	1
	الحاقة-القيامة	1
	النبا-العلق	1

Namun, jika dilihat secara lebih terperinci terhadap jumlah keseluruhan “*istidrakat*” yang dilakukan oleh Imam Abu Shamah ialah sebanyak 214 tempat (Izzah Hashim 2013: 289). Oleh itu, setelah diteliti *istidrakat* yang dikemukakan oleh Imam Abu Shamah maka, boleh disimpulkan bahawa ia dilakukan berdasarkan kepada tiga tujuan utama iaitu membaiki kesilapan, merungkai kesamaran dan melengkapkan kekurangan. Perincian kepada metodologi Imam Abu Shamah adalah sebagaimana berikut:

### 5.1 Penyederhanaan dari sudut lafaz:

Bagi mencapai objektif dan tujuan “*istidrakat*” maka, Imam Abu Shamah telah mencadangkan beberapa lafaz lain bagi menggantikan penggunaan lafaz-lafaz dalam Matan Shatibi sama ada selepas atau sebelum kritikan dilakukan, penjelasan adalah sebagaimana berikut:

- Penukaran satu lafaz, contohnya pada bait berikut:

وَيَاوْلَئِي أَنِّي وَيَا حَسْرَتِي طَوْرَا \* وَعَنْ عَيْرِهِ قَسْنَهَا وَيَا أَسْنَى الْعَلَا

Beliau mencadangkan supaya kalimah (العلا) (علی) digantikan dengan kalimah (علي), hal ini kerana penggunaan kalimah lebih jelas dan tepat berikutan ia merupakan lafaz al-Quran pada ayat ﴿يَنَاسَنَ عَلَىٰ يُوسُفَ﴾ (Abu Shamah 2009: 378: 1).

- Penukaran satu rangkap, contohnya pada bait berikut:

وَرَبِّيْأَ عَلَىٰ إِطْفَاهِهِ وَإِذْغَامِهِ \* وَبَعْضُ بِكْسَرِ الْهَاءِ لِيَأْتِيْ تَحْوِلا

Beliau mencadangkan agar rangkap pertama dalam bait tersebut digantikan dengan (وزءِيْاً أَطْهَرِنَ أَذْعَمَنَ معاً), hal ini kerana Imam al-Shatibi tidak menyebut kalimah (ونُؤُوي) dan derivasinya dalam bait tersebut (Abu Shamah : 2009: 297: 1).

- Penukaran satu Bait, contohnya pada bait berikut:

وَحَمْزَةُ أَسْرِيِّ فِي أَسَارِيِّ وَضَمِّهِمْ \* ثُقَادُوهُمْ وَالْمُدْ إِذْ رَاقَ ثُقَادًا

Beliau mencadangkan agar keseluruhan bait tersebut digantikan dengan bait:

أَسَارِيِّ قَلْ أَسْرِيِّ فَزَ وَضَمْ \* مُحرِّكًا لِتَفْدُوهُمْ وَالْمُدْ إِذْ رَاقَ نَفَلًا

Hal ini kerana penjelasan terhadap dua wajah qiraat pada kalimah ﴿أَسَارِيِّ ثُقَادُوهُمْ﴾ akan lebih mudah dan tersusun bagi Qiraat Imam Hamzah (Abu Shamah 2009: 524: 1).

- Meringkaskan bait, contohnya pada bait berikut:

وَمَا حَرْفُ الْأَسْتِغْلَاءِ بَعْدَ فَرَاؤَهُ \* لِكُلِّهِمُ التَّفْخِيمُ فِيهَا تَذَلَّلَا

وَجَمِعُهَا قِطْنٌ خُصًّا ضَعْطٌ وَخَلْفُهُمْ \* بِفُرْقٍ بَرِى بَيْنَ الْمَشَايْخِ سَلْسِلًا

Beliau mencadangkan agar dua bait tersebut diringkaskan kepada satu bait sahaja namun, masih mengandungi makna yang sama iaitu:

وَمَا بَعْدَهُ صَادُ وَضَادُ وَطَا وَقاً \* فَفَخُمْ لِكُلِّ خَلْفٍ فَرْقٍ تَسْلِسِلًا

Hal ini kerana beliau memfokuskan huruf-huruf *isti 'la'* yang terlibat bagi hukum *taghliz* pada riwayat Warsh ialah huruf، ص، ض، ط، ق، س، ش، ح sahaja (Abu Shamah 2009: 412-413: 1).

- Menyusun dan menambah bait, contohnya pada bait berikut:

مَعًا وَصَلَحَ حَاشَا حَجَّ دَأْبًا لِحَفْصِهِمْ \* فَحَرَكٌ وَخَاطِبٌ يَعْصِرُونَ شَرَدَلًا

وَوَنْكِتَنَ بِيَا شَافٍ وَحَيْثُ يَشَاءُ نُونٌ دَارٌ وَحِفْظًا حَافِظًا شَاعَ عَفَلًا

وَفَتِيهِ فَتِيَانِهِ عَنْ شَدًا وَرُدُّ \* بِالْأَخْبَارِ فِي قَالُوا أَئِنَّكَ دَعْفَلًا

Beliau mencadangkan agar bait-bait tersebut disusun semula dan ditambah satu bait selepasnya sebagaimana berikut:

وَفِي الْوَصْلِ حَاشَا حَجَّ بِالْمَدِ آخِرًا \* مَعَادُ أَبَا حَرَكٍ لِحَفْصٍ فَتَقْبِلَا  
وَنَكْتَلُ بِيَاءَ يَعْصِرُونَ الْخَطَابَ شَذٌّ \* وَحِيَثُ يَشَا النُّونُ دَارٌ وَأَقْبَلَا  
وَفِي حَفْظِهِ حَفْظًا صَفَا حَقُّهُمْ \* وَفَتِيهِ عَنْهُمْ لَفْتِيَانِهِ انجَلَا  
وَالْأَخْبَارِ فِي قَالُوا أَئِنَّكَ دَغْفَلًا \* وَيَسْتَفِهُمُ الْبَاقِي عَلَى مَا تَأْصِلَا

Hal ini kerana beliau berpandangan bahawa terdapat kekurangan pada bait-bait yang disusun Imam al-Shatibi dari sudut kedudukan kalimah dan kejelasan maknanya, maka beliau telah cuba menyusun kembali bait-bait tersebut dengan lebih baik dan menambah satu bait selepasnya supaya dapat menjelaskan maksud Imam al-Shatibi dengan lebih sempurna (Abu Shamah 2009: 804: 2).

## 5.2 Penyederhanaan terhadap tafsiran bait:

Imam Abu Shamah tidak menyatakan secara langsung tentang tujuan setiap *istidrakat* yang dilakukan. Namun berdasarkan kepada pemerhatian terhadap gaya ulasan beliau bagi setiap *istidrakat* tersebut, maka dapat difahami tujuan umum ia dilakukan, perincian adalah sebagaimana berikut:

- Membetulkan kesalahan (اصلاح الخطأ)

Beliau tidak menggunakan ungkapan “هذا خطأ”，“هذا غلط”，“هذا خطأ” dan lain-lain bagi menyatakan setiap kesalahan yang beliau dapati dalam *matan Shatibi*, namun beliau memilih untuk menggunakan perkataan yang lebih sesuai bagi menerangkan situasi tersebut sebagai satu cara menzahirkan rasa hormat kepada Imam al-Shatibi. Di antara perkataan yang digunakan ialah ‘لو قال...لكان أظهره’، ‘لو قال...لكان أحسن’، ‘لو قال...لكان أحسن’ dan seumpama dengannya. Oleh itu, secara umumnya dapat difahami bahawa penggunaan lafaz-lafaz tersebut adalah bertujuan membetulkan kesilapan dalam Matan Shatibi menurut pandangan beliau, contoh sebagaimana berikut:

- Konsisten dengan metodologi Imam al-Shatibi, contohnya sebagaimana rangkap berikut:

وَمَالِكٌ بِيَمِنِ الَّذِينَ رَأَوْهُ نَاصِرٌ

Beliau mencadangkan supaya bait tersebut digantikan dengan bait:

وَمَالِكٌ مَمْنُونًا تَصِيرُ رَوَاهِيهِ

Hal ini kerana beliau berpandangan bahawa Imam al-Shatibi tidak konsisten menggunakan kaedah yang beliau gariskan berkaitan “*Qaidul qiraah*”. Ia merupakan pengkaedahan bacaan sesuatu kalimah seperti *mad*, *ithbat*, *fathah* dan lain-lain berserta lawannya, oleh itu Imam Abu Shamah mencadangkan agar bait tersebut dibaiaki dengan menambah lafaz (مالك) selepas (الذين) manakala lafaz (مالك) dihazafkan. Justifikasi terhadap situasi tersebut ialah penambahan kalimah (مالك) sudah memadai bagi menerangkan bacaan pada kalimah (مالك) iaitu

dibaca dengan mad dan tanpa mad (Abu Shamah 2009: 148: 1).

- Pembetulan terhadap penggunaan lafaz al-Quran sebagaimana turutannya dalam ayat, contohnya sebagaimana bait-bait berikut:

وَبِالْوَصْلِ قَالَ أَعْلَمُ مَعَ الْجُرْمِ شَافِعٌ \* فَصَرُّهُنَّ ضَمَ الصَّادُ بِالْكَسْرِ فُصِّلَ

وَجُرْءًا وَجُرْءَةً ضَمَ الْإِسْكَانَ صِفٌ \* وَجَيْئَتَا أَكْلُهَا ذِكْرًا وَفِي الْعَيْرِ ذُو حَلَا

وَفِي رُبْوَةٍ فِي الْمُؤْمِنِينَ وَهَا هُنَّا \* عَلَى فَتْحِ ضَمَ الرِّاءِ بَهْنَتْ كُدَّلَا

Beliau mencadangkan agar bait-bait tersebut digantikan dengan bait berikut:

وَصَلَ هُنْ قَالَ أَعْلَمُ مَعَ الْجُرْمِ وَابْتَدَى \* بِكَسْرِ شَفَا وَأَكْسَرِ فَصَرْهِنِ فِي صِلَّا

وَضَمَ لَبَاقَ وَافْتَحُوا ضَمَ رِبْوَةً \* عَلَى الرَّاهِنِ الْمُؤْمِنِينَ نَدَكَلَا

Hal ini kerana Abu Shamah berpendapat bahawa susunan Imam al-Shatibi tersebut tidak mengikut turutan lafaz al-Quran iaitu dengan mendahulukan kalimah (أَكْلُهَا) daripada kalimah (رُبْوَة) (Abu Shamah 2009: 804: 2),, sedangkan turutan yang betul adalah sebaliknya sebagaimana kedudukannya dalam ayat:

﴿كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابْلُغَتْ أَكْلُهَا ضِعَفَيْنِ﴾

b) Menghilangkan kesamaran (إزالة المليس وكشف الغموض)

Lafaz-lafaz yang digunakan bagi tujuan ini adalah seperti “لو قال...لزال الوهم”, “لو قال...لزال الإشكال”, “لو قال...لزال الإبهام” (لـ (أَكْلُهَا) (رُبْوَة)) dan lain-lain. Di antara contohnya adalah sebagaimana berikut:

- Penggunaan lafaz yang boleh ditafsirkan sebagai *rumuz* qiraat, contohnya sebagaimana bait berikut:

فَبَيْشُرٌ عَيَّادٌ افْتَخَ وَقَفْ سَاكِنًا يَدًا \* وَوَاتَّغُونِي حَجَّ في الْحُرْفِ الْعَلَا

Beliau mencadangkan supaya perkataan (العلَا) dalam bait tersebut digantikan dengan perkataan lain. Hal ini kerana lafaz tersebut juga boleh ditafsirkan dengan *rumuz* bagi Imam Abu ‘Amr, walhal Imam al-Shatibi telah menyatakan *rumuz* bagi Qiraat Abu ‘Amr dengan perkataan (حج) (Abu Shamah 2009: 595: 2). Jadi, untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan tentang *rumuz* yang digunakan dalam bait tersebut, maka beliau mencadangkan agar bait di atas digantikan dengan bait:

وَوَاتَّغُونِي زَحْرَ حَجَّ وَاعْتَلَا

- Penggunaan lafaz yang kurang sesuai bagi menerangkan makna sebenar, contohnya sebagaimana bait berikut:

وَيُكْسِرُ لَا إِيمَانَ عِنْدَ ابْنِ عَامِرٍ \* وَوَحْدَ حَقُّ مَسْجِدِ اللَّهِ الْأَوَّلِ

Beliau berpendapat rangkap (وَهَذِهِ لَا إِيمَانَ كَسْرِ ابْنِ عَامِرٍ) digantikan dengan (وَيُكْسِرُ لَا إِيمَانَ عِنْدَ ابْنِ عَامِرٍ). Hal ini kerana kalimah (أَيْمَان) dibaca dengan dua wajah iaitu hamzah berbaris atas (أَيْمَان) dan hamzah berbaris bawah (إِيمَان). Sekiranya bait tersebut dibaca dengan ia membawa maksud “Tiada Iman disisi Ibn ‘Amir” dan situasi ini tidak sesuai dinisbahkan kepada beliau yang diiktiraf sebagai salah seorang Imam Qiraat dalam periyawatan al-Quran yang sahih daripada Nabi SAW walaupun maksud sebenar yang hendak disampaikan adalah berfokuskan kepada cara bacaan bagi kalimah tersebut disisi beliau (Abu Shamah 2009: 753: 2).

c) Melengkapkan maksud (إنعام النص)

Lafaz-lafaz yang digunakan bagi tujuan ini ialah “لو قال... لتم المقصود”, ”لو قال... لحصل الغرض”, ”لو قال... للأمراء”, dan lain-lain. Di antara contohnya adalah sebagaimana berikut:

- Menjelaskan penggunaan huruf yang bersamaan bentuk, contohnya sebagaimana bait berikut:

وَفِي النَّارِ يَأْتِ شَاعَرُ الرِّيحِ وَحْدًا وَفِي \* الْكَهْفِ مَعْهَا وَالشَّرِيعَةُ وَصَلَا

Beliau berpendapat bahawa huruf ta' dalam bait tersebut mesti dijelaskan dengan terperinci kerana bentuknya bersamaan dengan huruf ba', tha' dan nun. Namun ia berbeza pada perlentakan titiknya (Abu Shamah 2009: 544: 1). Asas istidrakat yang dilakukan adalah berpandukan metode Imam al-Shatibi pada bait-bait sebelumnya. Oleh itu, beliau mencadangkan agar bait tersebut digantikan dengan bait:

وَفِي النَّارِ نَقْطَهَا تَحْتَ وَحْدَ الرَّبِّ يَاحُ مَعَ الْكَهْفِ الشَّرِيعَةُ شَمَلَا

- Menyatakan contoh bagi setiap penerangan terhadap usul-usul Qiraat, contohnya sebagaimana bait berikut:

إِذَا لَمْ يُؤْتَنْ أُوْيَگُنْ تَاءً مَخَاطِبٍ \* وَمَا لَيْسَ مَجْوِعَةً وَلَا مُتَنَقِّلا

Beliau mencadangkan agar kaedah bagi *Idgham Mutaqaribain* sebagaimana bait di atas hendaklah dinyatakan contohnya sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Shatibi pada kaedah *Idgham Mutamathilain* (Abu Shamah : 2009: 595: 2), maka beliau mencadangkan agar bait tersebut ditambah dengan bait berikut selepasnya iaitu:

نَذِيرٌ لَكُمْ مِثْلٌ بِهِ كَنْتَ ثَانِيَا \* وَلَمْ يُؤْتَ قَبْلَ السَّيِّنِ هُمْ بِهَا اَنْجَلَا

### 5.3 Penyederhanaan terhadap selain lafaz *bait*:

Abu Shamah bukan sahaja mengkritik bait-bait Imam al-Shatibi bahkan beliau turut mengkritik tajuk-tajuk yang dinyatakan oleh Imam al-Shatibi pada pembahagian bab-bab qiraat agar ia lebih spesifik, hal ini dapat dilihat pada tajuk bagi bab (حرروف قربت مخارجه) (آخر). Beliau mencadangkan supaya ditambah kalimah pada tajuk tersebut seperti (حرروف آخر قربت مخارجه). Ia bertujuan menjelaskan bahawa tajuk yang akan dibincangkan dalam bab ini memfokuskan huruf-huruf yang berdekatan makhrajnya sahaja dan tidak melibatkan kesemua huruf hijaiyah (Abu Shamah : 2009: 163: 1).

### 5.4 Penyederhanaan dengan menambah bait yang tidak dilakukan oleh Imam al-Shatibi:

Abu Shamah menjelaskan bahawa beliau telah menambah bait bagi *matan Shatibi* pada *bab ya'idafah* sehingga mencapai lebih 20 bait (Abu Shamah : 2009: 594: 2). Ia dinyatakan pada setiap akhir bagi surah-surah yang tertentu sahaja, contoh bagi metode ini adalah sebagaimana berikut:

فَتَلْكُ ثَمَانٌ وَالزَّوَادُ وَاتَّقُوا \* نَمِنْ قَبْلِهَا الدَّاعِي دَعَانِي قَدْ اَنْجَلَا

Imam al-Shatibi tidak melakukan tambahan tersebut kerana sudah memadai dengan perbincangan khusus yang dimuatkan beliau dalam bab *ya'idofat* pada usul qiraat, manakala tambahan yang dilakukan Imam Abu Shamah pula merupakan satu inisiatif bertujuan mengingatkan setiap pelajar tentang kaedah *ya'idofat* bagi surah-surah yang terlibat.

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil tinjauan umum terhadap *istidrakat* yang dilakukan oleh Imam Abu Shamah melalui kitabnya *Ibraz al-Ma'ani*, maka terzahirlah ketelitian Imam Abu Shamah dalam melakukan penyederhanaan tersebut dengan memberi justifikasi ilmiah yang amat terperinci dan hujah-hujah yang kritikal. Selain itu, kritikan beliau juga menyentuh pelbagai aspek meliputi lafaz, rangkap, bait dan tajuk-tajuk pada pembahagian bab dalam *Matan Shatibi*.

Imam Abu Shamah juga mengamalkan etika dan nilai adab yang tinggi ketika mengkritik *matan Shatibi* dengan menggunakan lafaz-lafaz yang berbentuk cadangan dan saranan. Hal ini kerana beliau sedar bahawa ia merupakan satu ijtihad pada pandangan beliau dan ia juga terbuka untuk menerima sebarang kritikan oleh generasi selepasnya. Seterusnya, ia memberi peluang kepada seluruh pengkaji ilmu Qiraat supaya melakukan *istidrak* ke atas Imam al-Shatibi dan beliau sendiri sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan.

Mentelaah dan mengkaji metode Imam Abu Shamah dapat membantu penuntut ilmu Qiraat memahami maksud Imam al-Shatibi dengan lebih jelas, justeru dinasihatkan agar setiap penuntut ilmu Qiraat dapat menjadikan kitab *Ibraz al-Ma'ani* sebagai bahan rujukan utama dalam memahami Matan Shatibi. Pusat pengajian yang menawarkan subjek Qiraat juga boleh mempertimbangkan agar kitab ini dijadikan silibus utama pembelajaran.

### Rujukan

- Abu Shamah, ‘Abdul Rahman Bin Isma’il Bin Ibrahim. 1395H/1975. *al-Murshid al-Wajiz*. Beirut: Dar Sadir.
- Abu Shamah, ‘Abdul Rahman Bin Isma’il Bin Ibrahim. 1429H/2002. *Ibraz Al-Ma’ani Min Hirz al-Amaniyy*. Tanta: Dar al-Sahabah.
- Abu Shamah, ‘Abdul Rahman Bin Isma’il Bin Ibrahim. 1431H/2010. *al-Mudzayyil ‘ala al-Raudatain*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Dzahabiyy, MuHamad Bin AHmad Bin QaimAz. 1997/1417. *Ma’rifah al-Qurra’ al-Kibar ‘Ala al-Tabaqat Wa al-’Asar*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Al-‘Ajamiyy, Fahd Bin ‘Amir. 1430H/2009. *al-Ara’ al-Kalamiyyah Wa Usul al-Da’wah ‘Inda Abi Shamah al-Maqdisiy*. Jami’ah al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Raziyy, Muhammad Bin Abu Bakr. 1420H/1999. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Shatibi, Qasim Bin Firruh Bin Khalaf. 1435H/2014. *Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani*. Dimashq: Dar al-Gauthaniyy Li al-Dirasat al-Quraniyyah.
- Al-Zahraniyy, Nayif Bin Sa’Id Bin Jam’An. 1420H/1999. *Istidrakat al-Salaf fi al-Tafsir fi al-Qurun al-Thalathah al-Ula: Dirasah Muqaranah Naqdiyyah*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jauziyy.
- Ibn al-Jazari, Muhammad Bin Muhammad Bin Yusof. t.th. *Ghayah al-Nihayah*. Maktabah Ibn Taimiah.
- Ibn KathIr, ‘Abdul Hayy Bin Ahmad Bin Al-’Imad. 1413H/1993. *Shadzarat al-Dzahab fi Akhbar Min Dzahab*. Dar Ibn Kathir.
- Ibn ‘Asakir, ‘Ali Bin Al-Hasan. 1415H/1995. *Tarikh Dimashq*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Izzah Hashim. 1434H/2013. *Al-Imam Abu Shamah al-Maqdisiy wa Manhajuhu fi Kitabihu Ibraz al-Ma’aniyy*. Jami’ah al-Madinah al-’Alamiyyah.
- Taqiyuddin Ibn Qadi Shuhbah, Abu Bakr Bin Ahmad. 1407H/1987. *al-Tabaqat al-Shafi’iyyah*. Beirut: ‘Alim al-Kitab.
- Muntada al-Rayah al-Salah: <http://www.rayatalislah.com/index.php/akhbar-kutub/item/107-2013-07-10-12-0>
- al-Zirikli, Khayr al-Din. 1423H/2002. *al-A’lam*. Bayrut: Dar al-’Ilm li al-Malayin.